



Belas kasihan didik anak

Tunjuk ajar dengan penuh kasih sayang boleh lembutkan hati yang keras



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

Masyarakat Muslim di rantau Asia terkenal dengan budaya hidup serta budi pekerti lemah lembut dan bersopan santun. Inilah yang memikat banyak hati sehingga ada yang meninggalkan hatinya di sini kerana tautan

tidak boleh dirungkai lagi.

Keadaan itu menepati ajaran Islam yang menganjurkan umatnya menghisakan diri dengan sifat terpuji. Cuma mutakhir ini kita dikejutkan pelbagai kisah kezaliman sesama manusia akibat sikap tamak dan tiada belas kasihan.

Tandus sifat kemanusiaan

Itu sudah cukup membimbangkan dan menggambarkan segelintir masyarakat Muslim kini semakin ketandusan sifat kemanusiaan dalam sudut hati mereka. Bagi umat Islam, perbuatan pembunuhan dan penganiayaan dilarang keras kerana Islam adalah al-Din bersifat rahmat iaitu belas kasihan.

Jika kita benar-benar menghayati agama, tiada kepincangan dalam hubungan kemasyarakatan bahkan Rasulullah SAW juga menunjukkan cara yang sebaik-baiknya untuk berakhlak dengan

tetangga dan ahli masyarakat.

Menjadi orang yang membawa kebaikan kepada alam sejagat bukanlah mudah, sebab itulah Rasulullah SAW mengajarkan perbuatan baik untuk dilakukan kepada orang lain supaya Baginda tidak berseorangan dalam urusan ini sebaliknya dibantu dan disokong oleh sahabat.

Rasulullah SAW bersabda: "Kamu sekali-kali tidak akan dianggap beriman sehingga kamu bersifat rahmat. Ujar sahabat: Kami semua sememangnya bersifat rahmat. Lantas Baginda SAW menjawab: Bukan itu maksudku rahmatmu kepada kawan kamu, sebaliknya maksudku ialah rahmatmu kepada umum (alam sejagat)." (Riwayat Tabarani)

Dimaksudkan dengan rahmat adalah apa juga perkara yang membawa kebaikan dan Islam satu-satunya agama membawa misi keamanan, kedamaian, keharmonian, kemesraan dan rahmat kepada seluruh isi alam.

Sifat belas kasihan

Oleh itu, bagi menjamin kedamaian dan rahmat terlaksana, Islam memerintahkan umatnya menghiasi diri dengan sifat belas kasihan yang turut menjadi bukti kepada kesempurnaan iman kepada Allah.

Sifat belas kasihan membuatkan kita mudah tersentuh apabila melihat kesusahan menimpa orang lain dan begitu juga sebaliknya. Jika perasaan seumpama itu tidak wujud, maka ia menurunkan taraf manusia lebih teruk daripada binatang.

Rasulullah SAW bersabda: "Allah menjadikan rahmat 100 bahagian, satu bahagian daripadanya sudah diturunkan ke bumi. Daripada bahagian satu inilah, sekalian makhluk dapat berbelas kasihan sesama sendiri antara satu sama lain hinggakan ada seekor binatang yang mengangkat kakinya kerana takut terpijak anaknya sendiri." (Riwayat Bukhari)

Dalam konteks kekeluargaan pula, suami isteri perlu bertolak ansur dan

berbelas kasihan antara satu sama lain menguruskan rumah tangga. Ia selaras objektif perkahwinan dalam Islam iaitu untuk menyuburkan bibit kasih sayang dan kemesraan suami isteri bagi mengecapi kebahagiaan sejati.

Allah berfirman: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.*" (Surah al-Rum, ayat 21)

Tanggungjawab beri pendidikan

Manakala ibu bapa yang mempunyai anak memikul tanggungjawab berat dalam pendidikan mereka. Ibu bapa perlu mempunyai sifat kasih belas dalam proses pendidikan anak. Jika mereka melakukan kesilapan dan kesalahan, hendaklah tegur dan betulkan kesalahannya dengan lemah lembut dan kasih sayang, bukannya memukul dengan kekerasan.

Tahap pendidikan pada awal usia, anak perlu dibelai, ditatang serta diasuh dengan penuh kasih sayang dan lemah-lembut, bukannya dengan kekerasan yang hanya akan menyebabkan anak semakin liar atau nakal.

Perlu diingat gejala sosial yang semakin membarah dalam masyarakat berpunca daripada kepupusan perasaan kasih belas dan kemesraan dalam rumah mereka.

Justeru, apabila berlaku kesilapan atau kesalahan oleh anak, ibu bapa perlu menilai semula kemungkinan itu berpunca daripada kesilapan mereka yang gagal mewujudkan keharmonian rumah tangga seperti dituntut Islam bukan disebabkan masalah sosial.

Begitu juga dalam skop masyarakat yang lebih besar, modal insan saling mengasihani ialah yang terdidik dengan sikap belas kasihan dan berkasih sayang, bukan terdedah dengan kezaliman atau kejahatan.